

Newspaper

Berita Harian

Date

19 January 2016



Dr Mahathir (tengah) bersama Abdul Harith (kiri) dan Ketua Pegawai Operasi Miyazu Malaysia, Amrizal Abdul Majid pada sidang media majlis penyalan pertama enjin TGDI dan GDI PROTON di Subang Jaya, semalam.

[FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH]

PROTON

GUNA ENJIN BAHARU BERMULA 2018

» Program bernilai RM600j kerjasama dengan Ricardo, Lotus

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

PROTON Holdings Bhd akan menggantikan enjin CamPro yang digunakan sejak 2004 dengan barisan enjin baharu yang menggunakan Teknologi 'Suntikan Terus Bahan Api Turbo' (TGDI) dan 'Suntikan Terus Bahan Api' (GDI) ke dalam barisan kenderaan pengeluarannya bermula 2018.

Program pembangunan enjin baharu yang dimulakan sejak Mac tahun lalu yang mem-

babitkan pelaburan bernilai RM600 juta dan mengambil masa selama 40 bulan itu adalah kerjasama PROTON dengan Ricardo plc, syarikat berpangkalan di Shoreham, England dan Lotus Group.

Ia membabitkan pembangunan enam varian enjin dengan kapasiti bermula 1,000 liter hingga 1,500 liter oleh sekumpulan 20 jurutera.

Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Datuk Abdul Harith Abdullah, berkata pengeluaran kereta nasional itu menempatkan 20 jurutera di England untuk bersama-sama barisan jurutera Ricardo dan Lotus bagi membangunkan barisan enjin baharu berkenaan.

Dipimpin oleh Pengurus Projek dari PROTON, katanya, program pembangunan itu dijangka menyelesaikan semua enam varian dalam masa 40 bulan dengan varian pertama akan dilancarkan pada penghujung 2017.

BH - 19/1/2016

"Reka bentuknya menggunakan hak intelek milik bersama strategi pembakaran yang dibangunkan bersama Ricardo pada 2012," katanya pada sidang media majlis penyalan pertama enjin TGDI dan GDI PROTON di Subang Jaya, semalam.

Langsung dari England

Penyalan pertama itu dipancarkan secara langsung melalui persidangan video dari kemudahan Ricardo di England. Yang turut hadir ialah Pengurus PROTON, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Persidangan langsung dari England dipimpin oleh Ketua Pembangunan Kenderaan dan Kejuruteraan PROTON, Abdul Rashid Musa yang turut mengetuai projek pembangunan berkenaan.

Mengulas lanjut pembangunan enjin baharu itu, Harith berkata pemasangannya ke dalam kenderaan PROTON akan membolehkan syarikat

kembali ke pasaran eksport, khususnya Eropah.

Katanya, ini berikutan cirinya yang menepati peraturan di pasaran utama termasuk angka pelepasan Euro 6C dan karbon dioksida (CO₂) yang rendah pasca 2020.

Beliau berkata, pembangunan enjin TGDI dan GDI itu adalah lebih cekap dengan menghasilkan purata penggunaan bahan api 25 peratus lebih rendah dan prestasi yang 20 peratus lebih tinggi.

"Enjin akan digunakan dalam semua kenderaan PROTON bermula tahun 2018," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata pemilihan Ricardo sebagai rakan pembangunan bersama adalah berikutan kepayaan serta pengalaman luas yang dimiliki syarikat England itu.

"Kami berharap enjin ini akan menghasilkan prestasi yang baik serta memenuhi standard Euro bagi membolehkan PROTON dapat dijual sekali lagi di United Kingdom (UK).

"PROTON sudah lama tidak menjual kereta di UK kerana enjin sekarang tidak mencapai prestasi yang menepati standard ditetapkan oleh UK dan Eropah," katanya.

Enjin baharu berkenaan menjalani proses reka bentuk, analisis dan binaan prototaip selama 10 bulan di Ricardo.

Selepas 14, enjin akan dipindahkan ke kemudahan PROTON di Lotus. Selepas menjalani pelbagai ujian dan penilaian, enjin TGDI dan GDI akan diuji di kemudahan PROTON di Shah Alam bermula September ini.